



## Menyokong Orientasi Anak Anda dalam Perkhidmatan Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak

MALAY

Permulaan positif dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah penting. Penting bagi anda dan keluarga anda berasa dialu-alukan, selamat dan disokong. Hari-hari pertama di pusat perkhidmatan melibatkan anak anda berkenalan dengan kanak-kanak lain dan memulakan hubungan berdasarkan kepercayaan dengan guru-guru, pendidik dan pakar perkembangan awal kanak-kanak yang lain.

Perkhidmatan Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak di Victoria dipandu oleh *Rangka Kerja Pembelajaran dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Victoria (Victorian Early Years Learning and Development Framework , VEYLDF)*. Rangka kerja ini memberitahu pendidik bahawa ‘identiti, keluarga dan sejarah kebudayaan kanak-kanak membentuk pembelajaran dan perkembangan mereka. Kanak-kanak berasa dialu-alukan dan belajar dalam cara terbaik apabila ahli-ahli profesional menghormati dan mengiktiraf identiti mereka yang unik’ (VEYLDF, 2016, pg. 12). Persefahaman ini akan menguatkan pendekatan yang diambil oleh pendidik dalam menyokong anda dan anak anda semasa tempoh orientasi dan penyesuaian diri di pusat Perkhidmatan Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak mereka yang baru.

Perkhidmatan Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak melihat kerjasama perkongsian antara pendidik dan keluarga ini sebagai asas bagi program yang berkualiti. Hubungan saling menghormati yang wujud sedari awal ialah penunjuk yang kuat bagi perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Anda boleh menjangka para pendidiknya mesra dan mengalu-alukan serta menggalakkan penggunaan bahasa ibunda anda.

Perkhidmatan ini boleh menyokong komunikasi dengan anda melalui khidmat jurubahasa telefon bagi memastikan anda dimaklumkan sewajarnya dan mempunyai peluang untuk bertanya soalan dan mendapatkan maklumat lanjut dalam bahasa yang anda paling selesa. Selain itu, seorang pekerja sokongan yang bertutur dalam bahasa ibunda anda mungkin tersedia untuk membantu anak anda bagi satu jangka masa pendek sambil mereka membentuk hubungan dan perasaan kekitaan di pusat perkhidmatan tersebut.

Pendidikan Awal Kanak-kanak yang berkualiti mengiktiraf keluarga sebagai ‘pengaruh utama terhadap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak’ (VEYLDF, 2016, pg. 9). Pendidik menghargai dan meminta input serta penglibatan keluarga dalam program perkembangan awal. Hal ini bukan sahaja menggambarkan amalan para pendidik tetapi juga membantu kanak-kanak membentuk kepercayaan, keselamatan dan hubungan antara orang yang terlibat dalam pendidikan mereka dan persekitaran penjagaan mereka dengan persekitaran rumah yang meningkatkan hasil pembelajaran. Keluarga juga digalakkan supaya terlibat dengan perkhidmatan ini dan hadir semasa sesi permulaan. Ini membantu anak anda merasa selamat dan membantu anda memahami apa yang berlaku di pusat perkhidmatan apabila anak anda berada di sana tanpa anda.

Perkhidmatan awal kanak-kanak anda akan mengadakan pelan orientasi untuk membantu anda dan anak anda membiasakan diri dengan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan ini mungkin merangkumi;

- melawat pusat perkhidmatan dengan anak anda sebelum kehadiran rasmi bermula
- mulakan dengan sesi pendek dan teruskan dengan sesi yang lebih panjang bagi membantu anda dan anak anda berasa selesa.

Pendidik awal kanak-kanak anda akan meluangkan masa dengan anda dan bertanyakan beberapa soalan tentang anda dan anak anda. Sesi soal jawab ini akan memberikan mereka lebih kefahaman tentang keperluan anak anda dan membantu mereka merangka program yang memaksimumkan peluang pembelajaran dan hasil yang positif bagi anak anda.

Contoh maklumat yang mungkin diminta oleh pusat perkhidmatan awal kanak-kanak daripada anda termasuk;

- Maklumat tentang kesihatan anak – rekod imunisasi, keperluan perubatan, penyakit atau alahan.
- Pilihan penukaran lampin, tandas dan amalan di rumah.
- Makanan yang dimakan kanak-kanak, amalan/rutin waktu makan.
- Keperluan rehat/tidur kanak-kanak.
  - Adakah kanak-kanak tidur di katil bayi, katil mereka sendiri atau tidur bersama?
  - Apakah lagu yang boleh menenangkan kanak-kanak?
  - Adakah kanak-kanak mempunyai buku kegemaran, mainan ataupun selimut yang istimewa?
  - Pada pukul berapakah kanak-kanak biasanya berehat/tidur pada waktu siang?
- Apakah perayaan dan tradisi yang penting kepada keluarga anda?
- Pendidik akan mengalu-alukan sebarang maklumat lain yang anda mahu kongsi dengan mereka.
- Anda juga mungkin ada maklumat tentang anak anda yang anda mahu Pendidik tahu bagi membantu mereka menjalin hubungan dengan anak anda.

### **Cara lain untuk menyokong anak anda semasa mereka menyesuaikan diri di pusat perkhidmatan awal kanak-kanak**

- Luangkan masa dengan anak anda di pusat perkhidmatan – terangkan rutin perkhidmatan tersebut kepada anak anda, bermain, membaca buku cerita dan menyanyikan lagu-lagu dalam bahasa anda.
- Galakkan mereka berkomunikasi dengan kanak-kanak lain. Hal ini boleh dilakukan semudah menggalakkan mereka duduk bersama kanak-kanak lain, memperkenalkan diri kepada kanak-kanak lain, serta menyertai aktiviti dan permainan.
- Luangkan masa berbual dengan anak anda dan kanak-kanak lain yang bertutur dalam bahasa yang sama.
- Bercakap dengan anak anda tentang apa yang mereka sedang alami dan rasai: yakinkan dan galakkan mereka.
- Pastikan anak anda tahu siapa pendidik mereka, nama-nama pendidik mereka dan bahawa mereka boleh berjumpa pendidik mereka jika memerlukan bantuan. Berikan mereka peluang untuk berlatih menyebut nama-nama pendidik mereka dengan anda dan membuat lakonan peranan untuk meminta bantuan.
- Sentiasa ucapkan selamat tinggal sebelum pergi dan yakinkan anak anda bahawa anda akan kembali kemudian. Sebelum anda beredar, elok juga jika anda bantu anak anda menyertai sesuatu aktiviti dengan pendidik dan/atau kanak-kanak lain.
- Bincangkan rutin dan persekitaran pusat perkhidmatan tersebut dengan anak anda pada malam/pagi sebelum mereka hadir untuk memberi mereka peluang bertanya sebarang soalan dan bagi anda menjawab sebarang kebimbangan yang mereka ada.
- Ingatlah bahawa guru-guru dan pendidik anak anda berada di situ untuk menyokong anda dan anak anda sepanjang tempoh anda berada di pusat perkhidmatan.

---

#### Rujukan

Department of Education and Training, 2016. *Victorian Early Years Learning and Development Framework*.